

15 NOV 1997

Mahathir-eksport

SPEKULATOR MUNGKIN SEKAT EKSPORT RANTAU INI, KATA DR MAHATHIR

KULIM, 15 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata spekulator mungkin mencari jalan menghalang eksport barangan dari rantau ini setelah mereka menyerang kedudukan ekonominya.

Perdana Menteri berkata mereka akan mencari alasan agar barangan dari rantau ini tidak diimport oleh pihak lain.

"Semua ini dilakukan untuk menyokong ramalan mereka bahawa ekonomi rantau ini akan menjadi terlalu cergas dan perlu diperlahankan," kepada beliau kepada pemberita selepas merasmikan kilang Industri Otomotif Komersil (M) Sdn Bhd (INOKOM) di sini.

Dr Mahathir berkata Malaysia masih lagi mampu bertahan di pasaran antarabangsa kerana harga barangan keluarannya berdaya saing.

Bagaimanapun, katanya, kos eksport akan meningkat akibat faktor import.

"Selepas menurunkan nilai mata wang kita, mereka mungkin mencari alasan (bagi negara lain) supaya tidak mengimport barangan dari rantau ini," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya siapa yang beliau maksudkan sebagai "mereka", beliau berkata: "mereka adalah orang yang membuat ramalan...orang tempatan dan orang asing."

Dr Mahathir mengulangi gesaannya supaya rakyat Malaysia bekerja keras untuk menghadapi cabaran dengan meningkatkan produktiviti.

Ditanya sama ada hubungan Amerika Syarikat-Malaysia tegang berikutan rancangan Amerika Syarikat untuk menyiasat Petronas kerana pembabitan perniagaannya di Iran, Dr Mahathir berkata: "Ia tidak wajar bagi mereka untuk bertindak demikian."

Beliau juga enggan mengulas laporan akhbar bahawa Jabatan Negara Amerika Syarikat menganggap draf resolusi oleh sekumpulan anggota Kongres yang membuat usul memintanya meletak jawatan sebagai "tidak produktif dan boleh menyebabkan reaksi kuat dari Malaysia."

Ditanya sama ada Malaysia masih memerlukan Amerika Syarikat dengan kehadiran Perancis, yang terbabit dalam industri automotif negara ini, Dr Mahathir berkata Malaysia mahu berkawan dengan semua orang tetapi malangnya ada orang yang tidak mahu berkawan dengan kita, "jadi takkan kita hidung mancung pipi tersorong-sorong".

Perancis terbabit dalam pembuatan kereta nasional Proton Tiara dan kenderaan ringan dan van komersil pelbagai guna.

Ketika menjawab soalan, Dr Mahathir berkata beliau mungkin membincangkan isu Petronas dengan Presiden Perancis Jacques Chirac jika presiden Perancis itu membangkitkan perkara berkenaan pada pertemuan mereka di Langkawi esok.

"Mungkin kita membincangkannya kerana kita sama-sama terlibat," kata Dr Mahathir sambil merujuk kepada pembabitan syarikat Perancis Total SA dan Petronas dalam projek usahasama bernilai US\$2 bilion dengan Iran untuk memajukan kawasan gas di sana.

Usahasama itu, yang juga membabitkan sebuah syarikat dari Rusia, menghadapi risiko sekatan daripada Amerika Syarikat yang menganggapnya sebagai melanggar Akta Sekatan Iran-Libya.

Inokom hari ini memulakan pengeluaran komersil van pelbagai guna berkuasa 2,000cc yang diberi nama "Permas" di kilangnya di kawasan seluas 200 hektar.

Van itu, yang menggabungkan teknologi Perancis dan Korea, mengandungi lapan model dan akan dijual dengan harga antara RM40,000 dan RM60,000

setiap satu bermula Januari tahun depan.

Van pelbagai guna itu boleh digunakan bagi mengangkut penumpang, barangan dan boleh juga dijadikan sebagai ambulans.

Syarikat itu berharap dapat mengeluarkan trak ringan menjelang akhir tahun depan, kata pengerusi Inokom Datuk Zulkifli Abdul Rahman.

Inokom dimiliki Berjaya Group Berhad (35 peratus), Pesumals (M) Sdn Bhd (30 peratus), Hyundai Motor Company dan Renault (masing-masing 15 peratus) dan Hyumal Motor Sdn Bhd (lima peratus).

Kilang itu direkabentuk untuk mengeluarkan 20,000 kenderaan setahun dengan satu syif tetapi buat permulaan kapasiti pengeluaran adalah kira-kira 10,000 kenderaan setahun.

"Van itu sangat baik," kata Dr Mahathir selepas memandu ujinya di kilang itu. -- BERNAMA

JM AKD